

KENYATAAN AKHBAR BERSAMA

13 Julai 2026

Merujuk Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (RUU FOI) 2026 Kepada Jawatankuasa Pilihan Khas: Pengkhianatan Hak Rakyat untuk Tahu

Centre for Independent Journalism (CIJ), ARTICLE 19, Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center) serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan individu-individu yang menurunkan tandatangan di bawah ini menyatakan rasa kecewa yang amat mendalam terhadap versi Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (RUU FOI) yang dijangka dibentangkan pada hari ini (13 Julai) sewaktu bacaan pertama di Dewan Rakyat.

Kami memaklumi bahawa usaha kerajaan Malaysia untuk melaksanakan undang-undang Kebebasan Maklumat di peringkat persekutuan. Namun begitu, RUU FOI ini bukanlah mercu tanda reformasi yang [dijanjikan](#) kepada orang awam di Malaysia. Perundangan ini sangat bermasalah, regresif serta mewujudkan prosedur pentadbiran yang menyekat serta tidak selaras dengan standard undang-undang hak asasi antarabangsa, di samping menjejaskan prinsip asas hak untuk mendapatkan maklumat. RUU FOI yang dirangka ini akan berfungsi dengan cara yang sangat tidak berkesan bagi orang awam melaksanakan hak mendapatkan maklumat yang dijamin di bawah Artikel 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. **Bahkan, RUU FOI ini seolah-olah diwujudkan untuk mempromosi budaya kerahsiaan berbanding keterbukaan dan ketelusan.**

Selain itu, RUU FOI ini mengetepikan prinsip utama yang menjadi asas dalam rangka kerja FOI yang menyeluruh iaitu gagal untuk mengenal pasti keutamaan hak mendapatkan maklumat, dan menggugurkan prinsip pendedahan maksimum. Malah, perundangan ini mewujudkan prosedur pentadbiran yang dikawal secara ketat untuk permohonan maklumat sementara memelihara setiap halangan untuk pendedahan maklumat yang sedia ada. Di bahagian Mukadimah dan Pernyataan Penjelasan menyatakan secara terang-terangan bahawa RUU FOI ini 'sepenuhnya bersifat prosedur semata-mata', serta tidak mewujudkan hak mendapatkan maklumat secara substantif, memelihara keagungan semua undang-undang kerahsiaan, terutamanya Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972, serta menafikan akses mendapat maklumat sebagai kebebasan asasi. Hal ini menjadikan RUU FOI ini bertindih.

Sebuah perundangan mengenai kebebasan maklumat bermula dengan prinsip yang jelas: **semua maklumat yang dipegang oleh badan awam adalah milik orang awam secara semula jadi melainkan terdapat kemudaratan nyata dan kepentingan awam yang mendesak untuk merahsiakannya.**

Berbanding meluaskan kebebasan demokratik, RUU FOI ini berfungsi untuk mengekanginya. Ini adalah satu penggubalan yang tidak kompeten sejak dari awal lagi!

Versi yang dibentang kini telah menjejaskan teras objektif dan tujuan undang-undang kebebasan maklumat. Kami menekankan beberapa isu yang timbul seperti berikut:

1) Daripada mewujudkan **hak untuk mengakses dan prinsip pendedahan maksimum**, RUU FOI ini memelihara Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) secara keseluruhan dan mengecualikan daripada

operasinya mana-mana dokumen atau kategori maklumat yang dilindungi dalam mana-mana undang-undang bertulis. Kerajaan telah bertindak untuk memberi keabsahan dan menyuburkan budaya kerahsiaan yang berlebihan berbanding memansuhkannya. (*Lihat Fasal 2(3) dan Pernyataan Penjelasan*)

2) Pengecualian adalah terlalu meluas dan kekurangan kawal selia yang wajar. Sementara semua undang-undang maklumat mengiktiraf pengecualian yang sah, pengecualian yang terkandung dalam RUU FOI haruslah ditafsir secara khusus dan diberikan alasan yang boleh menunjukkan mudarat yang nyata. Pengecualian sedia ada adalah meluas, kabur, dan berupaya untuk melindungi sebahagian besar kategori maklumat kerajaan daripada penilitian awam, termasuk nasihat dalaman, pertimbangan, kepentingan komersil, dan maklumat yang dibekalkan pihak ketiga.

Apa yang lebih penting adalah **ketiadaan ujian kemudaratan (*harm test*) yang menyeluruh** yang memerlukan pihak berkuasa untuk menunjukkan bahawa pendedahan akan menyebabkan kemudaratan yang sebenar, nyata dan terbukti sebelum sesebuah maklumat dirahsiakan. Pada masa yang sama, **tiada juga peruntukan untuk mengatasinya demi kepentingan awam (*public interest test*)** iaitu pendedahan yang dibuat atas nama kepentingan awam iaitu ketelusan yang melangkaui mana-mana mudarat yang berpotensi untuk terjadi.

Oleh itu, maklumat adalah penting untuk mendedahkan rasuah, salah guna kuasa, mudarat alam sekitar, serta ancaman terhadap kesihatan atau penyalahgunaan dana awam yang kekal tersembunyi kerana dilindungi di bawah salah satu pengecualian yang meluas, sekali pun pendedahan ini dibuat untuk kepentingan awam.

3) RUU FOI ini menghadkan akses kepada maklumat, berteraskan tujuan, dan mengancam sekatan yang keterlaluan. Akses yang dinyatakan dalam RUU FOI ini dihadkan kepada warganegara 18 tahun ke atas,serta tertakluk pada verifikasi identiti dan memerlukan justifikasi daripada pemohon untuk menyatakan mengapa mereka mahukan maklumat tersebut. RUU FOI ini menghadkan akses untuk **tujuan yang ditetapkan** dan, dalam banyak perkara, memerlukan pemohon untuk menunjukkan 'kepentingan yang wajar dan nyata'.

Perundangan ini turut diburukkan dengan peruntukkan **liabiliti jenayah** untuk pemohon yang menggunakan maklumat selain daripada tujuan yang dinyatakan dalam permohonan awal mereka. Hal ini mewujudkan sekatan yang tidak sepadan serta menghalang wartawan, penyelidik, pemberi maklumat (*whistleblower*), pertubuhan masyarakat sivil, dan orang awam daripada memohon maklumat kerana takut didakwa. Maklumat yang diperolehi sering kali mendedahkan isu-isu baharu yang tidak mungkin dapat dijangka secara munasabah semasa permohonan tersebut mula-mula dikemukakan. Menjenayahkan penggunaan maklumat yang diperolehi orang awam akan menjejaskan akses yang bermakna, mengurangkan galakan mengenai penilitian awam yang sah, serta tidak selaras dengan prinsip kerajaan terbuka dan hak untuk bersuara.

4) Peruntukan yang membimbangkan adalah Fasal 22, yang mengisytiharkan bahawa **tiada apa-apa dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai membentuk suatu kebebasan asasi di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.** Fasal ini secara nyata bertujuan untuk menghalang perundangan

tersebut daripada digunakan bagi menyokong tafsiran perlembagaan mengenai kebebasan hak asasi, termasuk hak terhadap kebebasan bersuara dan hak mendapatkan maklumat. Dengan itu, Fasal 22 menimbulkan kebimbangan mengenai pemisahan kuasa dan kebebasan kehakiman dengan mengehendkan kemampuan mahkamah untuk menafsirkan hak perlembagaan berkaitan RUU FOI ini. Mana-mana perundangan FOI yang progresif harus menguatkan demokrasi berperlembagaan dengan mengiktiraf bahawa hak mendapatkan maklumat adalah komponen penting yang tidak boleh dipisahkan daripada kebebasan yang dijamin di bawah Perlembagaan, terutamanya hak untuk bersuara di bawah Artikel 10(1)(a). Tafsiran perlembagaan yang progresif dalam menegakkan kebebasan bersuara adalah mustahil untuk dilaksanakan tanpa hak untuk mencari, menerima, dan menyebarkan maklumat yang dipegang pihak berkuasa, serta penting untuk wacana awam, tadbir urus yang baik, dan penglibatan dalam demokrasi.

5) Kekurangan kebebasan dan autoriti dalam badan kawal selia. Walaupun RUU FOI ini memperuntukan semakan oleh Ombudsman, secara tidak langsung bidang kuasa Ombudsman dilucutkan daripada memantau kategori maklumat yang sebahagian besar melibatkan kerahsiaan, termasuk maklumat yang dilindungi di bawah OSA dan undang-undang kerahsiaan lainnya. Sebuah badan kawal selia yang tidak boleh meneliti penolakan yang kontroversi bukanlah penjaga ketelusan yang berkesan, atau mampu mewujudkan akauntabiliti yang bermakna. Malah, RUU FOI ini turut membuat rujukan pada **badan Ombudsman yang tidak wujud** serta ditubuhkan **di bawah undang-undang yang tidak wujud**, serta bertentangan dengan kebiasaan draf perundangan. Sifat peruntukan yang sukar difahami ini mengesahkan lagi bahawa RUU FOI ini digubal secara leka dan sembrono, biarpun melalui tempoh pembangunan yang begitu lama.

Secara keseluruhannya, kami mendapati bahawa RUU FOI telah mewujudkan ilusi keterbukaan serta memelihara budaya kerahsiaan.. Parlimen tidak seharusnya ditugaskan untuk meluluskan perundangan yang secara jelas gagal memenuhi prinsip-prinsip yang kononnya ingin ditegakkan oleh undang-undang itu sendiri.

Oleh itu, kami menyeru agar kerajaan merujuk RUU FOI ini kepada Jawatankuasa Pilihan Khas untuk penelitian yang menyeluruh berdasarkan setiap fasal yang melibatkan pertubuhan masyarakat sivil, wakil wartawan, ahli akademik, profession perundangan, dan semua pemegang taruh yang wajar.

Malaysia layak mendapatkan perundangan yang mencerminkan standard antarabangsa dan amalan baik bagi memenuhi komitmen reformasi kerajaan.

Nota: Sila rujuk pada dokumen yang dilampirkan untuk analisis awal mengenai RUU FOI.

Dikeluarkan oleh:

- 1) Centre for Independent Journalism
- 2) ARTICLE 19
- 3) Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center)

Disokong oleh:

- 1) Gerakan Media Merdeka (Geramm)
- 2) Justice for Sisters
- 3) SIS Forum (Malaysia)
- 4) Sinar Project
- 5) Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
- 6) Freedom Film Network
- 7) Bersih
- 8) Mandiri
- 9) Sahabat Alam Malaysia (SAM)
- 10) Sabah Reform Initiative (SARI)
- 11) Consumer Association of Penang

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

- 1) Wathshlah Naidu (Centre for Independent Journalism) – exec_director@cijmalaysia.net atau +6012 2984300
- 2) Nalini Elumalai (ARTICLE 19) - Nalini.Elumalai@article19.org atau +6011 36535927
- 3) Prishanth Linggaraj (C4 Center) - prishanth@c4center.org or +6016-2131109